

Newspaper	Berita Harian
Date	28 October 2015

BH - 28/10/2015

PM nafi 1MDB hutang RM2.05b

» *Mana-mana pihak berhak tentukan kaedah laporan kewangan*

Laporan Rohaniza Idris,
Nazura Ngah dan
Petah Wazzan Iskandar
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menafikan dakwaan kononnya 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berhutang RM2.05 bilion (AS\$481 juta) dengan syarikat Abu Dhabi, International Petroleum Investment Corporation (IPIC).

Perdana Menteri berkata, pe-

nyata kewangan 1MDB yang berakhir pada 31 Mac 2014 tidak menyatakan jumlah terbabit yang dikatakan ditanggung syarikat pelaburan strategik milik kerajaan itu.

"Nota dalam penyata kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 dengan jelas menyatakan tiada jumlah berkenaan yang ditanggung 1MDB terhadap IPIC.

"Ingin ditekankan juga, mana-mana pihak berhak menentukan kaedah pelaporan penyata kewangan merekakatanya dalam jawapan bertulis kepada Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) di Dewan Rakyat, semalam.

Pua ingin mengetahui jumlah pembayaran dibuat 1MDB untuk menebus opsyen syarikat Powertek Investment Holding dan 1MDB Energy (Langat) daripada Aabar Investment.

BeUau yang juga Setiausaha Publisiti Kebangsaan DAP, turut

bertanya sama ada 1MDB masih berhutang RM2.05 bilion seperti tercatat dalam laporan audit IPIC untuk Disember 2014.

Rizab antarabangsa kukuh
Dalam soalan lain, Perdana Men-

“
Nota dalam penyata
kewangan 1MDB
bagi tahun berakhir
31 Mac 2014 dengan
jelas menyatakan
tiada jumlah
berkenaan yang
ditanggung 1MDB
terhadap IPIC”

Najib Razak,
Perdana Menteri

teri berkata, asas makroekonomi yang berdaya tahan dan rizab antarabangsa kukuh adalah antara faktor yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara, selain menjadi penampun terhadap kejutan ekonomi global.

Pada 30 September lalu, Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, kedudukan rizab antarabangsa negara meningkat RM415.1 bilion berbanding RM357.7 bilion yang dicatat tahun lalu.

"Kedudukan itu mencukupi untuk menampung 8.6 bulan import tertangguh dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek," katanya dalam jawapan bertulis kepada Zuraida Kamaruddin (PKR-Ampang).

Zuraida ingin mengetahui sama ada ekonomi negara bergerak ke arah lebih baik memandangkan negara mengalami kejatuhan rizab antarabangsa serta penyusutan nilai ringgit.